

DATE: 16/7/2008

Debat Anwar-Shabery

Anwar akui kehebatan Petronas

KUALA LUMPUR 15 Julai - Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui kecemerlangan Petrolia Nasional Bhd. (Petronas) dalam menguruskan hasil petroleum negara sejak ia ditubuhkan 34 tahun lalu.

Beliau berkata, dengan kredibiliti yang dimiliki pihak pengurusan Petronas daripada dahulu sehingga sekarang, syarikat minyak itu kini dikenali di seluruh dunia.

Katanya, Petronas bukan sahaja menjalankan kerja mencari gali di perairan negara tetapi turut diberi kepercayaan untuk mencari gali minyak di luar negara.

"Rekod cemerlang Petronas dalam menguruskan hasil petroleum negara diakui. Dari setahun ke setahun Petronas berjaya menambahkan pendapatan serta keuntungan syarikat.

"Petronas kini menjadi syarikat ternama yang berjaya mencipta nama di peringkat antarabangsa tetapi malangnya berlaku campur tangan politik pihak kerajaan dalam pengurusan Petronas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berdebat dengan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Shabery Cheek dalam siri debat *AgendaDaily* yang bertajuk 'Hari Ini Bentuk Kerajaan Esok Turun Harga Minyak' di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) malam ini.

Datuk Johan Jaafar telah diberi tugas sebagai perantara debat tersebut manakala Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Tan Sri Dr. Nordin Kardi telah diberi peranan sebagai wakil Shabery.

Pengarang Eksekutif akhbar *Siasah*, Zul-kifli Sulong pula diberi tanggungjawab mewakili Anwar. Kedua-dua mereka bertindak sebagai wakil yang bertanyakan soalan kepada Anwar dan Ahmad Shabery.

Secara umumnya debat itu terbahagi kepada lima pusingan dengan kedua-dua



pendebat diminta memberi pandangan, pendapat dan cadangan mengenai tajuk berkenaan pada setiap pusingan.

Anwar dalam pada itu berkata, pakatan pembangkang sedia menurunkan petrol sebanyak 50 sen jika mereka diberi mandat untuk memerintah negara.

Ujarnya, dengan penurunan itu orang ramai berhak mendapat harga minyak pada kadar RM2.20 seliter dan ia sudah tentu akan dapat mengurangkan beban yang dihadapi oleh rakyat ketika ini.

"Kerajaan sebenarnya mampu untuk memberi minyak yang lebih murah kepada rakyat. Saya sendiri memberi jaminan yang perkara ini boleh dilakukan dan kami sedia melakukannya.

"Antara langkahnya ialah menurunkan kadar rizab kuasa Penjana Kuasa Bebas (IPP) daripada 40 peratus kepada 20 peratus. Sekiranya ini berjaya dilakukan kerajaan boleh menjimatkan wang sebanyak RM2 bilion," katanya.

Minyak murah tidak jamin ekonomi stabil

KUALA LUMPUR 15 Julai - Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Shabery Cheek menegaskan, harga minyak yang murah tidak semestinya menjamin kestabilan ekonomi sesebuah negara.

Beliau memberikan contoh Venezuela yang harga minyaknya begitu murah iaitu 10 sen seliter tetapi negara itu terpaksa berdepan dengan kadar inflasi amat tinggi iaitu 30 peratus, yang terburuk di kalangan negara Amerika Latin.

"Minyak di Iran, Arab Saudi, Qatar dan Venezuela memang murah tetapi kadar inflasinya tinggi dan adakah kita mahu menjadi seperti mereka.

"Peningkatan harga minyak juga ada hubung kait dengan krisis makanan tetapi negara kita mampu mengatasinya malah beras kita lagi murah berbanding Thailand, ia hanya dapat dinikmati dengan kaedah subsidi yang betul," katanya.

Beliau berkata demikian dalam debat 'Hari Ini Bentuk Kerajaan, Esok Turun Harga Minyak' anjuran *AgendaDaily* di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini malam ini.

Dalam hujahnya, Ahmad Shabery turut menangkis dakwaan Anwar bahawa kerajaan tidak dapat menyerap kenaikan harga minyak dalam bentuk subsidi berikutan tadbir urus yang tidak cermat atau amalan rasuah.

Katanya, kenyataan itu seolah-olah menggambarkan Anwar menafikan kenaikan harga minyak di pasaran dunia.

"Kenaikan harga minyak itu tidak hanya berlaku di Malaysia.

"Negara-negara seperti Finland dan Norway yang rendah kadar rasuahnya juga tidak memberikan subsidi minyak," katanya.

Menurut Shabery, kerajaan tidak bo-



leh memberi subsidi minyak yang berterusan dalam usaha memastikan pelaburan untuk pembangunan prasarana rakyat tidak terganggu.

Katanya, subsidi itu nanti akan turut dinikmati oleh syarikat-syarikat asing seperti Shell atau Exxon Mobil.

"Jadi kenapa tidak beri terus (subsidi) kepada rakyat, inilah yang dibuat di negara-negara maju dan Malaysia turut melaksanakannya," kata beliau.

Shabery pada sidang akhbar selepas debat itu berakhir melahirkan rasa puas hati terhadap debat berkenaan.

"Saya telah cuba membuka mata penonton mengenai rasional kerajaan menaikkan harga minyak. Apa yang kerajaan buat ini adalah atas dasar tanggungjawab terhadap rakyat dan negara," katanya.

Beliau sebelum ini menyifatkan debat itu boleh menjejaskan kedudukannya sebagai menteri Kabinet jika ia tidak berjalan dengan baik.